

JALINAN KASIH BERSAMA ASNAF KAMPUNG PLAIE, KOTA SAMARAHAN: INISIATIF RAMADHAN UiTM CAWANGAN SARAWAK

Dr Azlina Bujang dan Dr Noraziah Wahi

KOTA SAMARAHAN, SARAWAK (4 Mac 2024): Dalam semangat kasih sayang dan menyantuni komuniti bersempena bulan suci Ramadan, Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) dan Unit Jaringan Komuniti, Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI), UiTM Cawangan Sarawak telah bersama-sama menganjurkan program "Jalinan Kasih Asnaf Kampung Plaie, Kota Samarahan". Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif University Community Responsibility (USR) UiTM yang bertujuan untuk menyantuni dan menghulurkan bantuan kepada golongan asnaf di Kampung Plaie, Kota Samarahan. Program ini dihadiri oleh dua puluh dua (22) orang penerima sumbangan yang menerima bantuan yang bertujuan untuk mengurangkan beban mereka di sepanjang bulan yang mulia ini.

Turut hadir dalam majlis penyerahan sumbangan ini adalah Prof. Madya Ts. ChM. Dr. Mohammad Isa bin Mohamadin, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa yang menjalankan fungsi Rektor Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak. Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada para penyumbang dan peserta komuniti dalam menjayakan usaha mulia ini. "Ramadan adalah masa untuk membantu dan memberi dengan adanya inisiatif seperti program Jalinan Kasih, pihak UiTM dapat mengeratkan lagi perpaduan dan menzahirkan kepedulian di kalangan komuniti," jelas beliau lagi. Program ini melibatkan pelbagai aktiviti seperti pengagihan barangan asas dan pakaian serta sedikit sumbangan bantuan kewangan. Dengan terlaksananya program ini jelas menunjukkan bahawa UiTM Cawangan Sarawak komited untuk terus terlibat dalam inisiatif komuniti yang memberi impak dan menghayati nilai-nilai kasih sayang, empati, dan perpaduan.

